

MAKLUMAT TAMBAHAN

KATEGORI OKU

Terdapat tujuh (7) kategori OKU yang boleh dipertimbangkan bagi pendaftaran OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti berikut:

1. Kurang Upaya Pendengaran

Kurang upaya pendengaran bermaksud ketidakupayaan pendengaran kekal pada kedua-dua belah telinga ATAU di sebelah telinga. Kecacatan telinga kekal merujuk kepada kecacatan struktur telinga / sindrom berkaitan yang mengganggu fungsi individu tersebut.

2. Kurang Upaya Penglihatan

Kurang upaya penglihatan bermaksud buta kedua-dua belah mata ATAU buta di sebelah mata ATAU penglihatan terhad di kedua-dua belah mata ATAU lain-lain gangguan penglihatan kekal.

3. Kurang Upaya Pertuturan

Kurang upaya pertuturan bermaksud tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh.

4. Kurang Upaya Fizikal

Kurang upaya fizikal bermaksud ketidakupayaan kekal anggota badan sama ada disebabkan oleh kehilangan ATAU ketiadaan ATAU ketidakupayaan mana-mana anggota badan yang boleh

menjejaskan fungsi mereka dalam melakukan aktiviti asas sepenuhnya. Aktiviti asas yang dimaksudkan ialah seperti penjagaan diri, pergerakan dan penukaran posisi tubuh badan. Keadaan ini boleh terjadi akibat daripada kecederaan (trauma) atau penyakit pada mana-mana sistem tubuh yang menyebabkan ketidakfungsian.

5. Kurang Upaya Pembelajaran

Kurang upaya pembelajaran bermaksud masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya.

6. Kurang Upaya Mental

Kurang upaya mental merujuk kepada keadaan penyakit mental yang teruk menyebabkan seseorang itu tidak berupaya berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat.

7. Kurang Upaya Pelbagai

Kurang upaya pelbagai (Multiple Disabilities) bermaksud mempunyai lebih daripada satu jenis ketidakupayaan.

30 KEMUDAHAN OKU

Terdapat hampir 30 kemudahan disediakan kepada golongan OKU termasuk kemudahan dan perkhidmatan percuma. Antara kemudahan dan

A. Bantuan Kewangan, Pelepasan dan Perkhidmatan Percuma

- 1) Bantuan Kewangan / Alat Sokongan JKM:
 - a. Bantuan Am (bayaran bulanan berbeza mengikut negeri);
 - b. Elaun Pekerja OKU (RM450 sebulan);
 - c. Bantuan bagi OKU yang Tidak Berupaya (BTB) (RM300 sebulan);
 - d. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar (BPT) (RM500.00 sebulan);
 - e. Geran Pelancaran (Maksimum RM2,700); dan
 - f. Bantuan alat tiruan/sokongan (Mengikut harga yang ditentukan);

- 2) Bantuan Kewangan Pelajar OKU:
 - a. Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK) RM150.00 sebulan kepada pelajar Sekolah Rendah dan Menengah oleh KPM.

 - b. Elaun Pelatih OKU sebanyak RM300.00 sebulan diberikan kepada OKU yang mengikuti program pemulihan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti.

- c. Bantuan kewangan pelajar OKU IPT tempatan (sepenuh masa) meliputi wang saku sebanyak RM300.00 sebulan dan perbelanjaan bagi yuran pengajian dan yang kedua-duanya diberi pada kadar tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 bagi sepanjang tempoh pengajian; dan
 - d. Bantuan kewangan pelajar OKU IPT tempatan (separuh masa/ pengajian jarak jauh) diberi pada kadar tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 bagi sepanjang tempoh pengajian meliputi perbelanjaan yuran pengajian sahaja;
- 3) Bantuan Kewangan Program Pendidikan Khas di Politeknik/ Kolej Komuniti:
- a. Diberikan kepada pelajar OKU (kurang upaya Pendengaran) yang mengikuti program pendidikan khas (Sijil Kemahiran Khas) di politeknik terpilih; dan
 - b. Kadar bantuan adalah RM3360/semester, mengambil kira bantuan yuran, sara hidup, penginapan dan alat bantuan belajar;
- 4) Diskaun / Potongan 50% yuran pengajian daripada Open University Malaysia (OUM), Wawasan University dan Asia e-University;

- 5) Kemudahan dan galakan pelepasan cukai pendapatan:
 - a. Pelepasan cukai berganda kepada majikan yang melatih dan mengambil pekerja OKU;
 - b. Pelepasan cukai sebanyak RM6,000 kepada pembayar cukai yang mempunyai anak OKU;
 - c. Pelepasan cukai diri sebanyak RM6,000 kepada OKU dan
 - d. Pelepasan cukai kepada suami atau isteri OKU sebanyak RM5,000; dan
 - e. Pelepasan cukai kepada anak kurang upaya sebanyak RM6,000.00 dan tambahan sebanyak RM8,000 bagi anak kurang upaya berumur 18 tahun dan ke atas, belum berkahwin dan mengikuti diploma ke atas di dalam Malaysia @ peringkat ijazah ke atas di luar Malaysia dalam kursus dan di IPT yang diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan;
 - f. Pelepasan cukai bagi rawatan intervensi awal/ pemulihan anak kurang upaya pembelajaran (terhad RM4,000.00)

- 6) Pengecualian bayaran rawatan perubatan:
 - a. Bayaran wad kelas 3; dan
 - b. Bayaran pakar dan bayaran ubat di hospital kerajaan;

- 7) Pengecualian bayaran Pasport Malaysia untuk perjalanan ke luar negara;
- 8) Pengecualian bayaran:
 - a. Bayaran membuat penggantian MyKad; dan
 - b. Bayaran carian daftar kelahiran dan kematian;
- 9) Pengecualian Fi LKM bagi Kenderaan Milik Orang Kurang Upaya (OKU) dan pengecualian kenderaan motor yang didaftarkan/dimiliki oleh ibu/bapa/penjaga yang mempunyai anak OKU serta pasangan suami/isteri yang mempunyai pasangan OKU;
- 10) Pengecualian duti import alat ganti alat tiruan /sokongan;
- 11) Pengecualian 100% duti eksais kenderaan OKU:
 - a. OKU Fizikal, pendengaran dan pertuturan;
 - b. Ada lesen memandu;
 - c. Kenderaan nasional sahaja (termasuk motosikal);
 - d. Kereta nasional sahaja;
 - e. Tidak boleh pindah milik atau jual selama 5 tahun kecuali dengan kebenaran Kementerian Kewangan; dan
 - f. Sebuah kereta setiap 5 tahun;
- 12) Pencen terbitan bagi anak penjawat awam yang telah meninggal dunia:

- a. Syarat-syarat atau kelayakan anak kurang upaya tanggungan pesara:
 - i. Ketidakupayaan otak atau hilang upaya dari segi jasmani;
 - ii. Ketidakupayaan itu kekal;
 - iii. Tidak berupaya menanggung (menyara) dirinya sendiri; dan
 - iv. Ketidakupayaan hendaklah berlaku sebelum mencapai umur 21 tahun

- 13) Waktu bekerja anjal bagi kakitangan awam untuk menguruskan kebajikan dan keperluan anak OKU;

- 14) Kemudahan pengangkutan awam:

- a. Diskaun Tambang Bas Express

Hanya warganegara Malaysia yang menunjukkan kad pengenalan Mykad sahaja dibenarkan untuk menuntut tambang khas seperti Warga Emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Hanya pengendali bas tertentu sahaja menawarkan diskaun dan tambang khas.

- b. Tambang Kanak-Kanak hanya ditawarkan oleh pengendali bas tertentu sahaja. Sila ambil perhatian bahawa harga tambang

kanak-kanak dan syarat umur berbeza antara pengendali - pengendali bas yang menawarkan tambang Kanak-Kanak.

- i. Diskaun 50% untuk OKU bagi perkhidmatan menggunakan Bas Nadi Putra di Putrajaya
- ii. Pas MyRailLife - Tambang Percuma Pengangkutan Awam untuk OKU mulai 15 Februari 2023 bagi perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang, sektor Utara & Shuttle Timuran (DMU);
- iii. KTMB menyediakan tambang percuma untuk OKU;
- iv. Pas OKU SMILE - pas konsesi OKU yang diaktifkan pada Kad Konsesi OKU oleh Prasarana, menyediakan perjalanan percuma untuk individu OKU Malaysia yang berdaftar di semua jenis kereta api dan bas kendalian Prasarana (Rapid KL, Rapid Penang, Rapid Kuantan, LRT, MRT & Monorel) mulai 1 Februari 2024.
- v. Malaysia Airlines tawar rebat khas untuk tiket tempatan bagi penumpang dengan kad OKU (Orang Kurang Upaya) – kecuali MASwings dan tiket promosi.

15) Kadar sewa rumah yang rendah oleh DBKL;

B. Pendayaupayaan OKU

- 16) Saluran khas bagi pengambilan OKU di IPTA:
 - a. Pengambilan pelajar OKU dibuat menerusi saluran khas (tanpa perlu bersaing dengan kategori biasa) yang hanya berdasarkan kelayakan minimum sahaja;
 - b. Perlu melepasi syarat am dan syarat khas program seperti ditetapkan oleh Universiti yang dipilih; dan
 - c. Penempatan universiti disesuaikan dengan kemudahan dan bidang yang disediakan oleh IPTA bagi memastikan golongan OKU dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan selesa;

- 17) Program Pendidikan Khas / Integrasi / Inklusif;
 - a. Peluang pendidikan yang sama kepada semua murid berkeperluan khas tanpa mengira ketidakupayaan dan kecacatan mereka.

- 18) Meningkatkan peluang pekerjaan OKU:
 - a. Pekeliling Perkhidmatan Bil 16/2010: Dasar 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya;
 - b. Perkhidmatan pendaftaran pekerjaan secara atas talian;
 - c. Meningkatkan kesedaran majikan di sektor

- swasta untuk memberi peluang pekerjaan kepada OKU; dan
- d. Program Latihan Pekerjaan OKU Intelek dengan menggunakan model jaringan masyarakat melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Jabatan Tenaga Kerja Negeri dan Majikan-majikan dari syarikat swasta dan kerajaan tempatan.
- 19) Kemudahan mengikuti Institusi Pemulihan / Latihan OKU:
- a. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti;
 - b. Pusat Latihan dan Pemulihan Perindustrian di Bangi;
 - c. Taman Sinar Harapan (OKU Pembelajaran); dan
 - d. Bengkel Terlindung (OKU yang mampu bekerja tetapi tidak dapat bersaing dalam pasaran kerja;
- 20) Pengecualian bayaran bagi permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan SSM berbentuk milikan tunggal atau perkongsian. Tempoh insentif pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan milik OKU secara percuma ini berkuat kuasa bermula 23 Oktober 2012 bagi tempoh satu tahun;
- 21) Pengecualian bayaran dan pembaharuan daftar syarikat;

C. Kemudahan Lain

- 22) Kemudahan Telekom Malaysia di bawah Pakej Penyayang & Unifi OKU pakej;
 - i. Kemudahan Telekom Malaysia di bawah Pakej Penyayang & Unifi Pakej Perpaduan Jalur Lebar layak untuk warganegara Malaysia OKU ditawarkan dengan 30 MBPS dengan pakej RM 79.00.

- 23) Perlindungan Takaful dan insurans
 - a) Sinar Senyuman Al Shams oleh Zurich Insurance;
 - i. permohonan OKU berdaftar ke dalam pelan perlindungan Zurich Takaful Al-Shams termasuklah mereka yang mempunyai penyakit kritikal sedia ada.

 - b) I Care OKU oleh Maybank Takaful;
 - i. melindungi individu cacat penglihatan, pendengaran, pertuturan serta fizikal. Pelan itu juga direka bagi memudahkan permohonan dibuat tanpa memerlukan pemeriksaan kesihatan;
 - ii. membiayai pembedahan, juga penempatan di hospital dan Elaun hospital harian, perlindungan kematian serta faedah pembayaran balik perubatan akan diberikan;

 - c) Allianz Ability Life oleh Allianz Malaysia Berhad;
 - i. direka khas bagi golongan orang kurang upaya

(OKU) dengan kadar premium serendah RM50;

- ii. pelan ini terbuka kepada golongan OKU yang berumur antara 16 hingga 70 tahun; dan

d) Takaful Agro Nurani dan Agro Bakti oleh AgroBank;

- i. ditawarkan untuk OKU berusia 16 hingga 65 tahun ini menawarkan pelbagai manfaat menarik dan menyeluruh termasuk perlindungan kemalangan, kematian akibat kemalangan, kematian akibat penyakit biasa dan juga elaun tunai wad (akibat kemalangan);
- ii. menawarkan manfaat perbelanjaan pengkebumian;

24) Kod amalan akses bagi OKU

Peruntukan Perundangan

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) terutamanya memperuntukkan undang-undang berhubung aksesibiliti di persekitaran bandar. Pindaan Undang-undang Kecilnya iaitu Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 pada tahun 1990 melalui Seksyen 34A memperuntukkan keperluan penyediaan akses dan kemudahan di bangunan untuk pengguna OKU. Seksyen 34A(1) mewajibkan semua bangunan awam menyediakan akses bagi membolehkan OKU memasuki, keluar dan berada dalam bangunan dan menyediakan kemudahan-kemudahan berkaitan untuk digunakan oleh OKU. Seksyen 34A(2) pula memperuntukkan keperluan UKBS 1984 ini

hendaklah mematuhi Malaysian Standard (MS) seperti berikut:

- i. MS 1184: 2002- *Code of Practice on Access for Disabled Persons to Public Buildings; dan*
- ii. *MS 1183: Part 8: 1990 (P)- Specification for Fire Precautions in the Design and Construction of Buildings Part 8: Code of Practice for Means of Escape for Disabled People.*

Oleh itu, setiap Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan UKBS 1984 dikehendaki menguatkuasakan undang-undang ini dan memastikan bahawa kemudahan-kemudahan bagi golongan OKU disediakan berdasarkan kepada kedua-dua MS tersebut di atas.

Seksyen 34A(2) kini sedang di dalam peringkat cadangan untuk diperluaskan bagi memasukkan keperluan terhadap pematuhan Malaysian Standard (MS) seperti berikut:

- i. MS 1331: 2003- *Code of Practice for Access of Disabled Persons Outside Buildings (First Revision); dan*
- ii. *MS 2015: Part 1: 2006- Public Toilets Part 1: Minimum Design Criteria.*

Disamping itu, perundangan berkaitan yang perlu juga dirujuk termasuklah Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) di mana semua pembangunan hendaklah mendapat kebenaran merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa

Perancang Tempatan (PBPT) dan PBPT boleh mengeluarkan syarat-syarat yang berkaitan termasuklah penyediaan kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua golongan OKU, kanak-kanak, warga emas dan wanita.

Antara kemudahan yang disediakan berdasarkan kod amalan tersebut adalah seperti berikut:-

- a. Bangunan baru wajib ada ram dan railings;
- b. Laluan yang bersesuaian dengan kerusi roda;
- c. Lif khas dengan reka bentuk yang sesuai; dan
- d. Tempat letak kereta, tandas khas dan sebagainya;

25) Di bawah Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM), setiap atlet yang meraih pingat emas di Olimpik dan Paralimpik akan menerima insentif RM1 juta, diikuti RM300,000 bagi perak dan RM100,000 untuk gangsa.

26) Hadiah Sukan Negara bagi Atlet Paralimpik;

27) Tiket Zoo Negara secara percuma kepada OKU dan Tempat letak kereta di Zoo Negara diberikan percuma bagi pemandu OKU;

- a. Hanya perlu menunjukkan Kad OKU di kaunter tiket

28) Penyediaan petak khas kereta (*parking*) khusus untuk OKU

fizikal;

- a. Parking OKU untuk PEMANDU OKU; dan
- b. KPKT telah menetapkan ukuran bagi parking OKU sebagaimana dalam Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan.

29) Potongan harga 40% kemasukan ke Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT);

- a. Harga tiket asal adalah sebanyak RM25.00 dan OKU hanya perlu membayar sebanyak RM15.00 selepas potongan 40%

30) Tiket masuk ke KidZania secara percuma kepada OKU;

- a. Perlu menunjukkan Kad OKU di kaunter tiket di tingkat bawah bagi mendapatkan tiket percuma.

31) Tiket percuma keretapi Bukit Bendera, Pulau Pinang;

- a. Keistimewaan ini meliputi pengunjung warganegara Malaysia dan bukan warganegara sama ada laluan normal mahupun *fastlane*.